



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA

WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO

GOVERNMENT GAZETTE

PART II

Published by Authority

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 5

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH GALAKAN PELABURAN (PINDAAN), 2011

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Penggantian bab 19 dari S 48/01.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH GALAKAN PELABURAN (PINDAAN), 2011

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Galakan Pelaburan (Pindaan), 2011, dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 Januari, 2008.

Pengantian bab 19 dari S 48/01.

2. Bab 19 dari Perintah Galakan Pelaburan, 2001 adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Tempoh pelepasan cukai bagi syarikat perkhidmatan perintis.

19. Tempoh pelepasan cukai bagi sesebuah syarikat perkhidmatan perintis yang dinyatakan dalam sebarang sijil yang dikeluarkan kepada syarikat itu di bawah bab 18 hendaklah bermula pada hari permulaan dan hendaklah berterusan bagi suatu tempoh selama —

(a) 8 tahun atau tempoh yang lebih panjang, tidak melebihi 11 tahun, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, berkenaan dengan apa-apa aktiviti kelayakan selain dari perkhidmatan kewangan;

(b) 5 tahun, yang boleh dilanjutkan bagi tempoh 5 tahun lagi sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, berkenaan perkhidmatan kewangan".

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**